

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN**
KAWASAN : **TEMERLOH**
TARIKH : **17 Mac 2016 (KHAMIS)**
NO. SOALAN : **10**

YB TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan unjuran masa hadapan **PROTON** dalam ketidaktentuan ekonomi negara.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Pada tahun 2015, jualan kereta **PROTON** mencatatkan jumlah sebanyak 102,175 unit dengan pegangan pasaran (*market share*) sebanyak 17.3 peratus. Pegangan pasaran **PROTON** telah berkurangan berikutan saingan dari beberapa model kereta yang lain.

Bagi merangsang semula jualan kenderaan **PROTON** dan seterusnya meningkatkan penggunaan lebihan kapasiti, **PROTON** bercadang untuk memperkenalkan beberapa model baharu seperti Perdana baharu, Persona baharu dan Saga baharu pada tahun 2016. Selain itu, melalui kerjasama dengan Suzuki, **PROTON** juga akan memperkenalkan

beberapa model kenderaan baharu bagi pasaran tempatan dan serantau.

Bagi menghadapi keadaan ekonomi negara, PROTON telah memulakan pelaksanaan beberapa langkah secara berperingkat di bawah Rancangan Perniagaan 5 tahun syarikat, yang mana termasuk merangka beberapa inisiatif melalui pelan pembangunan jangka masa panjang.

Langkah-langkah ini bertujuan mentransformasi dan memperkasakan kedudukan semasa PROTON dan pada masa akan datang bagi memastikan PROTON akan dapat terus berdaya saing di dalam dan luar negara.

Di samping itu, PROTON juga melaksanakan pelbagai usaha untuk memperkasakan keupayaan teknikal serta mengukuhkan kedudukan kewangan syarikat pembekal komponen dan rangkaian pengedar.

Hala tuju inisiatif-inisiatif baharu PROTON ini adalah bagi membolehkan PROTON meningkatkan daya saing bagi menghadapi cabaran dan pasaran yang lebih kompetitif.

Tuan Yang Di Pertua,

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pasaran automotif tempatan adalah kecil dan terhad. Jualan kenderaan tahunan adalah sekitar 600,000 hingga 700,000 unit sahaja. Oleh itu, PROTON perlu menggiatkan aktiviti eksport dan merebut peluang di pasaran serantau dan global, dan terus mencari rakan kongsi dari luar negara yang ternama.